

Program-program yang ditawarkan UMP

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menawarkan sebanyak 11 program doktor falsafah, 18 program sarjana, 12 program ijazah sarjana muda, dan lima program diploma. Program-program tersebut ditawarkan oleh lima fakulti berikut:

Program Pengajian dan Fakulti

- Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)
- Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)
- Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP)

- Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
- Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA).

Di samping lima fakulti tersebut, UMP juga mempunyai empat buah pusat kecemerlangan iaitu Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Pusat Pengajian Siswazah (PPS), Pusat Pengajian Berterusan & Pengajian Profesional (CENFED), dan Pusat Pengurusan Teknologi (PPT).

FKEE hasil teknologi kereta elektrik

ERNEDA PASOLA
MOHAMED NORSANI

GAMBANG -Lonjakan harga bahan api yang tidak menentu dan kepentingan untuk mengurangkan pencemaran udara, mendorong sekumpulan penyelidik dari Fakulti Elektrik dan Elektronik (FKEE) Universiti Malaysia Pahang (UMP), menjalankan projek penyelidikan yang memfokuskan pembangunan bagi teknologi kereta yang menggunakan elektrik sebagai tenaga penggerak.

Hasilnya mereka berjaya menghasilkan prototaip dengan fabrikasi sendiri yang dinamakan Motorized Battery Operated Vehicles Proto(MBOV)-Proto1.

Majlis pelancarannya telah dilaksanakan oleh bekas Timbalan Naib Canselor (Akademi dan Antarabangsa), Profesor Datuk Dr Mortaza Mohamed, di kampus induk UMP, baru-baru ini.

Menurut Dekan FKEE, Tuan Shaikh Nasir Abdul Rahman, MBOV adalah susulan kepada projek kereta elektrik yang per-

tama di FKEE.

"Penyelidikan ini adalah hasil cetusan idea sekumpulan staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang mengikuti kursus jangka pendek tahun 2004, di Zull Design Autronics, Rawang dan MBOV adalah perintis masa depan ke arah teknologi kereta elektrik, kereta hybrid (kacukan) dan fuel cell.

"Saya dimaklumkan oleh penyelidik yang diketuai oleh Mohd Ruslim Mohamed, projek ini bermula dengan pemilihan badan kenderaan dan jenis transmisi kenderaan

di pasaran, selain pembinaan sistem pengawal dan pemacu tersendiri," katanya.

Beliau berkata, antara aspek utama yang ditekankan dalam kajian ini adalah masa pengecas bateri yang lebih lama sehingga 12 jam, pemilihan reka bentuk yang lebih dinamik, sistem tenaga, pemilihan pemacu motor yang lebih lasak dan juga mereka bentuk sistem kawalan dan pendawaian elektrik.

MBOV dijangka mempunyai sistem pengecas on-board dan pengecas



Projek ini bermula dengan pemilihan badan kenderaan dan jenis transmisi kenderaan di pasaran, selain pembinaan sistem pengawal dan pemacu tersendiri."

■ Tuan Shaikh Nasir Abdul Rahman

penggerak yang membolehkan MBOV dicas di mana-mana tempat mahu pun ketika kenderaan bergerak.

Pada peringkat awal MBOV dijangkakan bergerak dengan kelajuan

optimum 50kilometer per jam sebelum penyelidikan lanjut dijalankan.

Beliau turut berharap, penyelidikan ini dapat memberi manfaat kepada UMP, penyelidik, pelajar dan negara.

SUMBER : *Sina & Hana*
TARIKH : *28/1/2001*
MUKA SURAT : *20*